

UMS perlu kerjasama selidik ekologi hutan tropika

KOTA KINABALU, Rabu - Universiti Malaysia Sabah (UMS) memerlukan kerjasama pelbagai pihak untuk menjayakan kegiatan penyelidikan berkaitan biodiversiti dan proses ekologi diekosistem hutan tropika.

Penolong Pendaftar UMS, Sarlona J Gindug, berkata bantuan organisasi berkaitan hutan seperti Jabatan Hidupan Liar Sabah diperlukan terutama kemudahan stesen hutan di Sepilok, Tabin, Kinabatangan dan Kulamba.

"UMS pula dalam menjalankan penyelidikan akan menjana hasil yang boleh digunakan pihak Jabatan Hidupan Liar untuk melaksana usaha serta strategi pengurusan pemuliharaannya.

"Kewujudan tenaga pakar di UMS dapat memastikan latihan meningkatkan pengetahuan, prestasi, keupayaan serta menambah kemahiran kakitangan jabatan berkenaan menerusi ke-

giatan universiti itu secara jangka pendek dan panjang," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Schubungan itu, katanya, UMS akan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Jabatan Hidupan Liar Sabah (JHLS), di Rizab Hidupan Liar Tabin, Lahad Datu, esok.

Pada upacara itu, UMS akan diwakili Naib Canselor, Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman dan JHLS pula oleh Pengarahnya, Mahadi Andau.

Menurutnya, menerusi memorandum persefahaman itu, kemampuan serta keperluan dua badan itu dapat dipertingkatkan dengan wujudnya kerjasama yang memberikan manfaat besar.

"MoU di antara UMS dan Jabatan Hidupan Liar ini luas, mencakupi ekosistem darat dan laut. Dalam senarai kegiatannya, ada beberapa aspek menyeluruh termasuk ber-

kaitan penyelidikan yang akan dijalankan secara usahasama.

"Pada aspek latihan, dapat dilihat kerjasama dua hala dengan UMS boleh melatih kakitangan jabatan berkenaan secara jangka pendek dan panjang pada peringkat pra atau pascasarjana.

"Jabatan Hidupan Liar pula boleh memberikan latihan kepada pelajar, prasarjana UMS dalam keperluan latihan industri," katanya.

Schubungan itu, Sarlona berkata kegiatan awal untuk memulakan MoU itu ialah ekspedisi saintifik dan inventori Tabin 1998, menandakan hubungan yang sudah bermula sejak awal.

Selain itu, katanya, kegiatan lain melibatkan dua pihak itu ekspedisi Lembangan Maliau, bengkel pendidikan serta seminar melambangkan semangat gigih dua pihak merentas hutan dan rimba untuk mencari ilmu.